

PELAN TINDAKAN BENCANA DALAMAN HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH KUALA TERENGGANU

1. PENGENALAN

Bencana dalaman merupakan bencana yang melibatkan kawasan hospital, bangunan dan anggota hospital. Secara umumnya Negeri Terengganu tidak mempunyai bencana alam yang besar seperti gempa bumi, ribut taufan dan gunung berapi. Walau bagaimana pun masih terdapat banyak potensi bencana yang mungkin berlaku seperti banjir dikawasan hospital, kebakaran, ancaman bom, ancaman penganas, gempa bumi dan lain-lain.

Oleh itu, pelan tindakan bencana dalaman bagi menangani pelbagai jenis bencana di atas perlu disediakan.

Bagi melicinkan pengurusan tindakan bencana oleh pihak hospital, dua jawatankuasa telah ditubuhkan untuk memastikan hospital mampu bertindak dengan cepat dan berkesan dalam mengatasi kejadian bencana tersebut. - iaitu Jawatankuasa Induk Pengurusan Bencana Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu dan Pasukan Teras Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu.

Faktor penting kejayaan sesebuah pelan tindakan bencana bergantung kepada koordinasi kerja berpasukan anggota-anggota yang cekap dan mahir dalam pelaksanaan pelan tersebut. Ia memerlukan tindakan hospital secara keseluruhan dan bukan setakat di peringkat Jabatan Kecemasan. Untuk koordinasi yang lebih berkesan, satu sistem komunikasi yang baik adalah amat penting.

Ia juga amat berguna bagi hospital untuk menjalankan penilaian risiko (risk assessment) terhadap jenis-jenis bencana yang mungkin akan berlaku di kawasan operasinya.

2. OBJEKTIF:

2.1 Objektif Umum:

Memaksimumkan bilangan mangsa yang dapat diselamatkan.

2.2 Objektif Khusus:

2.2.1 Mewujudkan satu sistem untuk memindahkan anggota dan pesakit dari tempat bencana ke tempat yang lebih selamat dengan cara yang tertatur dan selamat.

- 2.2.2 Untuk mengatur penempatan anggota di hospital bagi membantu merawat mangsa dengan cekap.
- 2.2.3 Menyediakan satu pelan tindakan untuk menerima dan mengurus bilangan mangsa bencana yang ramai di Jabatan Kecemasan.
- 2.2.4 Menyediakan kemudahan tambahan seperti zon resusitasi, wad dan bilik bedah bagi menampung pertambahan keperluan.
- 2.2.5 Menyediakan satu sistem perkhidmatan sokongan yang berkesan seperti tabung darah, farmasi, radiologi, patologi, kejuruteraan dan unit lain yang berkaitan.
- 2.2.6 Mengkoordinasikan satu sistem kawalan, pemantauan dan jaringan komunikasi di antara agensi kerajaan lain, media massa, waris dan orang ramai.

3. JAWATANKUASA INDUK PENGURUSAN BENCANA HSNZ:

3.1 Fungsi:

- a. Merangka, mengemaskini dan melaksanakan pelan tindakan bencana.
- b. Menyedia dan menyelaras aktiviti latihan dan mengadakan raptai berkala.
- c. Memaklum dan memberi panduan kepada anggota hospital akan tanggungjawab dan cara kerja yang perlu dilaksanakan bagi menghadapi bencana.
- d. Mengambil tindakan yang perlu bagi memastikan bahawa pihak hospital adalah sentiasa bersedia sedia bagi menghadapi kemungkinan bencana.

3.2 Keahlian:

- | | |
|----------------------------------|----------------------|
| 1. Pengarah Hospital: | Pengerusi |
| 2. Timbalan Pengarah Perubatan: | Timbalan Pengerusi 1 |
| 3. Timbalan Pengarah Pengurusan: | Timbalan Pengerusi 2 |
| 4. Ketua Jabatan Kecemasan: | Setiausaha |
| 5. Ketua Jabatan Ortopedik: | Ahli |
| 6. Ketua Jabatan Surgeri: | Ahli |

7.	Ketua Jabatan Anestesiologi:	Ahli
8.	Ketua Jabatan Perubatan:	Ahli
9.	Ketua Jabatan Patologi:	Ahli
10.	Ketua Jabatan Pengimejan Diagnostik:	Ahli
11.	Ketua Jabatan Farmasi:	Ahli
12.	Ketua Jabatan Dietetik:	Ahli
13.	Ketua Penyelia Hospital :	Ahli
14.	Ketua Penyelia Jururawat:	Ahli
15.	Pembantu Perubatan U32 Jab. Kecemasan:	Ahli
16.	Pengurus Besar Cawangan Radicare M'sia Sdn. Bhd.:	Ahli
17.	Ketua Telefonis:	Ahli

4. PASUKAN TERAS BENCANA HSNZ:

4.1 Fungsi:

Bertugas di Bilik Gerakan Hospital bagi mengurus, menyelaras dan membuat keputusan ke atas segala perkara dan kegiatan berkaitan dengan bencana.

4.2 Keahlian:

1.	Pengarah Hospital:	Koordinator Hospital
2.	Timbalan Pengarah Perubatan:	Koordinator Pentadbiran 1 (Semasa ketiadaan beliau, diganti oleh Ketua Pakar Perubatan)
3.	Timbalan Pengarah Pengurusan:	Koordinator Pentadbiran 2 (Semasa ketiadaan beliau, diganti oleh Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan) M48)
4.	Ketua Jabatan Ortopedik:	Koordinator Klinikal 1 (Semasa ketiadaan beliau, diganti

	oleh Koordinator Klinikal 2)
5. Ketua Jabatan Surgeri:	Koordinator Klinikal 2 (Pengganti semasa ketiadaan Koordinator Klinikal 1)
6. Ketua Jabatan Anestesiologi:	Koordinator Klinikal 3 (Pengganti semasa ketiadaan Koordinator Klinikal 1 & 2)
7. Ketua Jabatan Kecemasan:	Setiausaha
8. Ketua Penyelia Hospital :	Ahli
9. Ketua Penyelia Jururawat:	Ahli

5. FASA TINDAKAN:

5.1 Fasa 1 - “Yellow Alert”

Fasa di mana maklumat mengenai bencana diterima oleh operator atau mana-mana anggota hospital sebelum disahkan kesahihannya. Pengarah Hospital, Timbalan Pengarah (Perubatan), Timbalan Pengarah (Pengurusan) dan semua Ketua Jabatan diberitahu untuk bersiap sedia.

Bagi kejadian gempa bumi yang melibatkan kerosakan struktur bangunan, pengesahan keselamatan bangunan perlu diperolehi dari jabatan berwajib iaitu Jabatan Kerja Raya dan/ atau Jabatan Sesimologi sebelum pengusian keseluruhan dilaksanakan (contoh: bencana tsunami pada Disember 2004).

5.2 Fasa II - “ Red Alert”

Fasa di mana bencana telah disahkan dan Pengarah Hospital mengisytiharkan ‘Red Alert’. Keseluruhan pelan tindakan bencana hospital diaktifkan.

5.3 Fasa III – “ Stand-down”

Fasa di mana keadaan bencana telah pulih dan aktiviti hospital kembali sediakala.

6. PENGISYTIHARAN BENCANA

6.1 Penerimaan Panggilan:

Maklumat bencana yang diterima (biasanya melalui Operator Hospital) atau mana-mana anggota:

- a) Anggota yang mengendalikan panggilan tersebut akan mencatatkan dengan terperinci maklumat berikut ke dalam buku insidens (kejadian:
 - i. Pengenalan pemanggil
 - ii. Masa maklumat diperolehi (masa panggilan)
 - iii. Maklumat tentang kejadian kemalangan / bencana
 - Jenis kemalangan
 - Tempat kejadian yang tepat
 - Masa kejadian
 - iv. Maklumat tentang kecederaan
 - Bilangan mangsa
 - Jenis kecederaan
 - Keterangan
- b) Maklumat-maklumat ini akan disahkan oleh Pengarah Hospital untuk tindakan seterusnya.

6.2 Cara Pengisytiharan Bencana:

Sebaik sahaja menerima arahan daripada Pengarah Hospital, telefonis akan menghubungi Timbalan Pengarah Perubatan, Timbalan Pengarah Pengurusan dan Koordinator Klinikal.

Telefonis juga akan membuat pengumuman melalui sistem 'block pager' dan sistem pembesar suara (PA System) seperti di bawah:

6.2.1 Pesanan melalui sistem 'block pager'.

- a) **KOD KUNING BENCANA** - Bagi fasa 'Yellow Alert'.
- b) **KOD MERAH BENCANA** - Bagi fasa 'Red Alert'.
- c) **KOD HIJAU 'Stand Down'** - Bagi fasa 'Stand Down'.

6.2.2 Cara Pengumuman Melalui Sistem Pembesar Suara.

a) Bagi fasa 'Yellow Alert':

“Perhatian! Perhatian! Ini adalah pengumuman Kod Kuning. Sila bersedia!” (2 X).

b) Bagi fasa 'Red Alert':

“Perhatian! Perhatian! Ini adalah pengumuman Kod Merah. Semua Ketua Jabatan dan anggota berkenaan, sila lapor diri ke Bilik Gerakan Hospital di Bilik Mesyuarat Utama/ Unit Kesihatan Awam DCC/ Asrama MAIDAM*!” (2 X).

c) Bagi fasa 'Stand Down'.


“Perhatian! Ini adalah pengumuman Kod Hijau. Semua aktiviti kembali seperti biasa.” (2 X).

**Bilik Gerakan:*


Jika bencana dalaman berlaku di Bangunan Utama, Bilik Gerakan akan dibuka di Unit Kesihatan Awam DCC.

Jika Bencana Dalaman melibatkan bangunan Utama dan DCC Bilik Gerakan akan dibuka di Asrama MAIDAM.

6.2.3. Carta Alir Pengisytiharan Bencana Carta - Fasa 1




6.2.3. Carta Alir Pengisytiharan Bencana Carta - Fasa 1, samb.



6.2.4. Carta Alir Pengisytiharan Bencana Dalam:

Fasa 2:



7. TINDAKAN PENGURUSAN BENCANA

Apabila **'red alert'** diisytiharkan, anggota yang terlibat diminta melaporkan diri ke Bilik Gerakan Hospital.

Timbalan Pengarah Hospital (Perubatan) akan menjadi Koordinator Pentadbiran 1 dan Timbalan Pengarah Hospital (Pengurusan) menjadi Koordinator Pentadbiran 2. Manakala Ketua Jabatan Ortopedik menjadi Koordinator Klinikal. (Sila lihat 2.2.3. Carta alir pengisytiharan bencana Fasa 2 dan 'Action Card')

Di Jabatan Kecemasan, pesakit-pesakit tidak kritikal (tag hijau) yang sedia ada akan dihantar ke Klinik Pakar Perubatan (PC) untuk dirawat. Ini bertujuan untuk menyediakan Jabatan Kecemasan bagi menerima dan merawat mangsa-mangsa bencana.

Klinikal Koordinator akan mengarahkan seorang Pegawai Perubatan untuk mengendalikan kes-kes tersebut di Klinik Pakar Perubatan.

Di hospital, pasukan-pasukan pengurusan perawatan ditempatkan di zon-zon tertentu. Keanggotaan dan penempatan zon adalah seperti di bawah. Tugas setiap anggota pasukan tertera dalam kad tindakan (action card) di seksyen 3.

7.1 Petugas Bilik Gerakan

<u>Bil.</u>	<u>Pegawai</u>	<u>Jumlah</u>
1.	Pengarah Hospital	(1)
2.	Timbalan Pengarah Perubatan	(1)
3.	Timbalan Pengarah Pengurusan	(1)
4.	Koordinator Klinikal 1	(1)
5.	Pegawai Perhubungan Awam (PRO)	(1)
6.	Pegawai Tadbir & Diplomatik M48	(1)
7.	Pegawai Tadbir & Diplomatik M44	(1)
8.	Ketua Penyelia Jururawat	(1)
9.	Ketua Penyelia Hospital	(1)
10.	Pengurus Besar Radicare	(1)
11.	Ketua Pengawal Keselamatan	(1)

Bilik Gerakan berfungsi sebagai Pusat Penyelarasan semua kegiatan berkaitan dengan bencana.

8. PENGUSIAN

8.1 Definisi

Pengusian ialah proses pemindahan dari tempat bencana ke tempat yang lebih selamat dengan cara teratur dan selamat. Dalam kes bencana dalaman di hospital pengusian adalah bermaksud memindahkan pesakit , pelawat dan anggota hospital dari wad/ tempat kejadian ke tempat selamat.

8.2 Peringkat Pengusian

Pengusian harus dilakukan mengikut keadaan dan terbahagi kepada 3 peringkat:

Peringkat 1: Bertindak menjauhkan diri sendiri dan pesakit dari tempat berlaku bencana.

Arahan pengusian peringkat 1 boleh diarahkan oleh koordinator lokasi.

Peringkat 2: Bertindak memindahkan pesakit ke tempat yang lebih selamat sama ada di tingkat yang sama atau di tingkat bawah.

Arahan pengusian peringkat 2 boleh dilakukan oleh Koordinator Hospital atau Koordinator Pentadbiran 1 atau Ketua operasi.

Peringkat 3: Bertindak memindahkan pesakit ke tempat selamat ia itu keluar mengosongkan bangunan.

Arahan pengusian peringkat 3 hendaklah dilakukan oleh Koordinator Hospital atau Koordinator Pentadbiran 1 atau Ketua operasi atau nasihat Jabatan Bomba bagi bencana kebakaran.

8.3 Kategori Pengusian

Bagi memudahkan proses evakuasi keadaan pesakit yang dirawat di dalam wad perlu diambil kira:

Kategori 1: Keadaan pesakit yang terlantar dan tidak boleh bergerak tanpa bantuan petugas termasuk kanak-kanak dan bayi.

- Kategori 2:** Pesakit yang tak berupaya bergerak tanpa bantuan petugas.
- Kategori 3:** Keadaan pesakit yang mampu menyelamatkan diri dengan bantuan alat misalnya kerusi roda, tongkat dll.
- Kategori 4:** Keadaan pesakit yang mampu bergerak sendiri.

8.4 Kaedah Pengusian

Semua anggota perlu memahami peranan dan tugas semasa bencana. Sebarang tindakan hendaklah berpandukan kepada penyelarasan tugas yang telah ditetapkan . Ini adalah penting supaya tindakan yang diambil adalah teratur.

- 7.4.1 Menyelamatkan diri sendiri.
- 7.4.2 Menyelamatkan pesakit-pesakit yang hampir kepada bahaya. Dimulakan dengan kategori 4, 3, 2 dan diakhiri dengan kategori 1.
- 7.4.3 Menyelamatkan dokumen dan rekod.

9. PENGURUSAN MANGSA DI TEMPAT KEJADIAN

9.1 Pasukan 1:

Pasukan perubatan pertama yang lengkap dengan peralatan perubatan dianggotai oleh:

- a) Pegawai Perubatan Jabatan Kecemasan 1
(Ketua Pasukan)
- b) Pembantu Perubatan Jabatan Kecemasan 1
- c) Jururawat Jabatan Kecemasan 1
- d) Atendan Kesihatan Jabatan Kecemasan 1
- e) Pemandu Ambulan (jika perlu) 1

Tugas dan Tanggungjawab

- a. Menilai situasi kejadian ('Situational Analysis')
 - a) Anggaran mangsa yang terlibat
 - b) Jenis / sifat bencana
 - c) Perkhidmatan sokongan yang diperlukan
- b. Melakukan '**rapid primary triaging**'
 - '**Respiratory**'
 - >30 or <10 : Red
 - <30 : Check Circulation

- **'Circulation'**
 - Pulse <50 or >120 : Red
 - Pulse >50 to <120 :
 - Check CNS Function
 - **'GCS'**
 - 13 - 15 : Yellow
 - <13 : Red
- c. Lapor kepada Koordinator Klinikal 1 di Hospital mengenai penilaian situasi yang dibuat.
 - d. Merawat mangsa, termasuk resusitasi dan stabilisasi.
 - e. Menyelenggarakan sistem pendaftaran dan pengangkutan mangsa ke hospital lain jika perlu.

9.2 Pasukan 2:

Pasukan Perubatan kedua dianggotai oleh:

- a) Pakar Bedah 1 (Ketua Pasukan)
- b) Pembantu Perubatan Jabatan Kecemasan 1
- c) Jururawat Wad 8 A 1
- d) Atendan Kesihatan Wad 7 AB 1
- e) Pemandu Ambulan 1

Tugas dan Tanggungjawab

- a) Ketua pasukan kedua **mengambilalih tugas** ketua pasukan pertama.
- b) Berkerjasama dengan Pasukan 1.
- c) Bertanggungjawab untuk menerima dan merawat mangsa dari Zon Merah dan 'Primary Triaging'.
- d) Menyelenggara pasukan perubatan sokongan dan pengangkutan mangsa.

9.3 Pasukan Perubatan Lain:

Akan ditentukan oleh Koordinator Klinikal.

9.4 Sistem Triage:

'Triage' merupakan satu proses dalam menilai keadaan / keterukan mangsa bagi tujuan pengurusan dan perawatan berdasar kepada kriteria-kriteria dan keutamaan tertentu.

Kriteria Triage

Keutamaan	Kod Warna	Klasifikasi	Keadaan Keseluruhan
I	MERAH	Kritikal	Tidak sedarkan diri
II	KUNING	Semi Kritikal	Sedar tetapi tidak bergerak
III	HIJAU	Tidak Kritikal	Sedar dan boleh berjalan
IV	PUTIH	Lewat (Delayed)	Mati

Sistem triaging akan diselaraskan dengan menggunakan 'Triage Tagging Card' yang dikeluarkan oleh MASTEM.

10. PASUKAN PETUGAS PENGURUSAN MANGSA DI HOSPITAL

10.1 ZON TRIAGE - Pintu Masuk Jabatan Kecemasan

<u>Bil.</u>	<u>Pegawai</u>	<u>Bil.</u>	<u>Tanggungjawab</u>
1.	Pegawai Perubatan Yang Menjaga Jabatan Kecemasan	(1)	Ketua Pasukan
2.	Pembantu Perubatan	(1)	
3.	Jururawat	(2)	
4.	Atendan	(2)	
5.	Pegawai Pemulihan Carakerja	(1)	Pegawai Rekod



10.2 ZON MERAH (KRITIKAL) - Wad Kecemasan

<u>Bil.</u>	<u>Pegawai</u>	<u>Bil.</u>	<u>Tanggungjawab</u>
1.	Pakar Bedah	(1)	Ketua Pasukan
2.	Pegawai Perubatan	(8)	
3.	Ketua Jururawat	(1)	
4.	Pembantu Perubatan	(6)	
5.	Jururawat	(10)	
6.	Atendan	(8)	
7.	Fisioterapist	(1)	Pegawai Rekod



10.3 ZON KUNING (SEMI KRITIKAL) - Bilik Rawatan Kecemasan

<u>Bil.</u>	<u>Pegawai</u>	<u>Bil.</u>	<u>Tanggungjawab</u>
1.	Pakar ENT (Ketua Jabatan)	(1)	Ketua Pasukan
2.	Pegawai Perubatan	(6)	
3.	Pembantu Perubatan U32	(1)	
4.	Pembantu Perubatan	(2)	
5.	Jururawat	(10)	
6.	Atendan	(3)	
7.	Audiologist / Optometrist	(1)	Pegawai Rekod



10.4 ZON HIJAU (TIDAK KRITIKAL) - Klinik Ortopedik / Surgeri ACC

<u>Bil.</u>	<u>Pegawai</u>	<u>Bil.</u>	<u>Tanggungjawab</u>
1.	Pakar Ortopedik (Atas Panggilan)	(1)	Ketua Pasukan
2.	Pegawai Perubatan (Oftalmologi, ENT)	(2)	
3.	Ketua Jururawat SOPD	(1)	
4.	Pembantu Perubatan Ortopedik	(1)	
5.	Jururawat Ortopedik	(2)	
6.	Atendan Surgeri	(1)	
7.	Pembantu Tadbir (Klinik Ortopedik)	(1)	Pegawai Rekod



10.5 ZON PUTIH (KEMATIAN) - Rumah Mayat

<u>Bil.</u>	<u>Pegawai</u>	<u>Bil.</u>	<u>Tanggungjawab</u>
1.	Pakar Patologi	(1)	Ketua Pasukan
2.	Pegawai Perubatan (Patologi / Forensik)	(1)	
3.	Pembantu Perubatan	(1)	
4.	Pembantu Tadbir Rekod	(1)	Pegawai Rekod
5.	Atendan	(2)	

10.6 ZON KAUNSELING - Pusat Rawatan Harian Kanak-Kanak

<u>Bil.</u>	<u>Pegawai</u>	<u>Bil.</u>	<u>Tanggungjawab</u>
1.	Pakar Psikiatri	(1)	Ketua Pasukan
2.	Kaunselor	(1)	
3.	Anggota Kerja Sosial	(1)	
4.	Pembantu Perubatan	(1)	
5.	Jururawat	(1)	
6.	Pembantu Tadbir	(1)	Pegawai Rekod

10.7 ZON MENUNGGU WARIS - Ruang Menunggu Pelawat

<u>Bil.</u>	<u>Pegawai</u>	<u>Bil.</u>	<u>Tanggungjawab</u>
1.	Pegawai Kerja Sosial Perubatan (Ketua)	(1)	Ketua Pasukan
2.	Penolong Pegawai Tadbir (Perkhidmatan)	(1)	
3.	Pegawai Agama	(2)	
4.	Pembantu Tadbir	(1)	Pegawai Rekod

10.8 BILIK BERITA / PRESS ROOM - Diabetic Resource Centre (DRC)

<u>Bil.</u>	<u>Pegawai</u>	<u>Bil.</u>	<u>Tanggungjawab</u>
1.	Pegawai Tadbir & Diplomatik M48	(1)	Ketua Pasukan
2.	Pegawai Perhubungan Awam (PRO)	(1)	

10.9 KESELAMATAN

<u>Bil.</u>	<u>Pegawai</u>	<u>Bil.</u>	<u>Tanggungjawab</u>
1.	Timbalan Pengarah Pengurusan	(1)	Ketua Pasukan
2.	Pembantu Tadbir	(1)	
3.	Ketua Pengawal Keselamatan	(1)	

11. **'Stand Down'**



Apabila semua aktiviti di hospital telah kembali seperti biasa, arahan untuk 'Stand Down' akan dikeluarkan oleh Koordinator Hospital (Pengarah Hospital).

Telefonis akan membuat pengumuman melalui sistem pembesar suara seperti berikut:

“Perhatian! Ini adalah pengumuman Kod Hijau. Semua aktiviti kembali seperti biasa.” (2 X).